
**PEMAKLUMAN BERKENAAN
MAJLIS KONVOKESYEN KE-27
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Dengan sukacitanya dimaklumkan bahawa **Majlis Konvokesyen Ke-27 Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)** akan diadakan pada **6 hingga 9 November 2023**. Tarikh ini ditetapkan berdasarkan perkenan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud merangkap Canselor UNIMAS.

Majlis Konvokesyen Ke-27 UNIMAS ini adalah bagi **graduan tahun 2023** yang akan berlangsung dalam **tujuh (7) sidang** seperti berikut:

Tarikh	Sidang	Fakulti/Peringkat/Program
6 Nov 2023 (Isnin)	Pertama (Pagi)	i. Pascasiswazah ii. Sarjana Muda Sastera Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Global (Dengan Kepujian) iii. Sarjana Muda Seni Kreatif dengan Kepujian (Animasi)
7 Nov 2023 (Selasa)	Kedua (Pagi)	i. Fakulti Ekonomi dan Perniagaan (FEP)
	Ketiga (Petang)	i. Fakulti Kejuruteraan (FK) ii. Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK)
8 Nov 2023 (Rabu)	Keempat (Pagi)	i. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)
	Kelima (Petang)	i. Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM) ii. Fakulti Alam Bina (FAB)
9 Nov 2023 (Khamis)	Keenam (Pagi)	i. Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) ii. Fakulti Sains dan Teknologi Sumber (FSTS)
	Ketujuh (Petang)	i. Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) ii. Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK)

UNIMAS turut membenarkan kemasukan terhadap kepada dua (2) orang ahli keluarga atau pengiring graduan ke dalam Dewan Tunku Abdul Rahman Putra (DeTAR PUTRA).

Maklumat lanjut berkenaan Majlis Konvokesyen Ke-27 UNIMAS boleh dirujuk melalui laman sesawang <https://www.unimas.my/convocation> yang akan dikemas kini dari semasa ke semasa.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim bin Suaidi
Naib Canselor
Universiti Malaysia Sarawak

11 September 2023